

16/04/1999

`Robocop' berhasrat ziarah PM

Abdullah Abdul Rahman

ALOR STAR, Khamis - Kanak-kanak `robocop' yang menghidap penyakit tulang tengkuk reput dan pernah menerima kunjungan Datuk Seri Mahathir Mohamad, berhasrat menziarahi Perdana Menteri yang kini berehat selepas dirawat di Institut Jantung Negara (IJN) kerana jangkitan paru-paru.

Mohd Ady Fakhri Mohd Zahir, 8, yang pernah menggunakan alat `Lerman MRI Halo' bagi menyokong dan mengawal pergerakannya juga terkilang kerana tidak berpeluang mengunjungi Dr Mahathir ketika dirawat selama 11 hari di IJN.

Mohd Ady Fakhri yang kini beransur pulih dan tidak lagi menggunakan alat itu menyatakan hasrat berkenaan kepada emaknya, Siti Hajar Sheikh Ahmad, 26, apabila melihat Dr Mahathir di televisyen, baru-baru ini.

"Tidak patutlah, masa saya sakit Perdana Menteri melawat saya, tetapi ketika beliau sakit saya tidak melawatnya. Saya berdoa semoga beliau cepat sembuh," katanya ketika ditemui di rumahnya di Seberang Perak, di sini hari ini.

Sempena lawatan ke Kedah pertengahan Januari lalu, Dr Mahathir mengambil kesempatan mengunjungi Mohd Ady Fakhri di rumahnya. Pada pertemuan itu, Perdana Menteri turut menghulurkan sumbangan peribadi dan berbual dengan Mohd Ady Fakhri serta keluarganya.

Ketika ditemui, kanak-kanak itu kelihatan ceria dan hanya menggunakan penyokong diperbuat daripada plastik pada lehernya sejak sebulan lalu. Sebelum ini, ketika dikunjungi Dr Mahathir, Mohd Ady Fakhri terpaksa memakai alat `Lerman MRI Halo' yang diperbuat daripada besi.

Penggunaan alat itu memerlukan doktor menebuk lubang kecil pada bahagian tepi kepalanya bagi menghalang pergerakan kepalanya.

Mohd Ady Fakhry yang dipercayai mangsa pertama penyakit itu di negara ini, sepatutnya menjalani pembedahan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Selangor seminggu selepas Aidilfitri lalu.

Bagaimanapun, ketika mendapatkan rawatan di HTAR pada Februari dan awal Mac lalu, doktor yang merawatnya memberitahu bahawa penyakitnya semakin pulih.

Siti Hajar berkata, sejak menggunakan alat sokongan diperbuat daripada plastik, keadaan Mohd Ady Fakhri semakin cergas seperti kanak-kanak lain dan mampu menggerak dan memusingkan kepalanya.

Bagaimanapun, doktor akan melakukan satu lagi pemeriksaan bagi mengenal pasti tahap penyakit Mohd Ady Fakhri, sebelum menentukan sama ada dia memerlukan pembedahan.

"Apa pun, saya tetap bersyukur kerana penyakitnya menunjukkan tanda-tanda pemulihan tanpa memerlukan pembedahan," katanya.

Mohd Ady Fakhri pula berkata, dia kini sudah boleh ke sekolah dengan menunggang basikal dan tidak lagi menghadapi masalah untuk bergerak.

(END)